



POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

MAJLIS DAERAH BERA



PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH BERA

Bismillahirrahmannirrahim.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Segala puji bagi Allah SWT atas limpah kurnia-Nya, kita terus melangkah dalam memacu kecemerlangan pentadbiran Daerah Bera

Sebagai nadi pentadbiran daerah, Majlis Daerah Bera sentiasa meletakkan aspek Integriti dan Tadbir Urus yang Baik sebagai teras utama dalam setiap penyampaian perkhidmatan. Kita sedar bahawa amanah yang digalas ini memerlukan keberanian untuk mempertahankan kebenaran dan ketelusan.

Sehubungan dengan itu, Majlis Daerah Bera telah menguatkuasakan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat sebagai manifestasi kesungguhan kita dalam memerangi sebarang bentuk Kelakuan Tidak Wajar termasuk rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, dan pelanggaran peraturan.

Jangan Takut Untuk Melapor. Saya ingin memberi jaminan sepenuhnya kepada seluruh warga Majlis Daerah Bera dan para pemegang taruh sekalian. Anda Dilindungi..Polisi ini dirangka khusus untuk memastikan identiti anda dirahsiakan sepenuhnya dan anda akan dilindungi daripada sebarang bentuk tindakan balas atau diskriminasi, selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

Mari kita bersama-sama membudayakan amalan kerja yang bersih dan jujur. Jadikanlah kejujuran sebagai perisai dan integriti sebagai panduan. Saya menyeru agar saluran aduan rasmi yang disediakan digunakan dengan penuh amanah dan niat yang suci demi kelestarian kecemerlangan Daerah Bera.

Semoga usaha murni kita ini mendapat keredaan Allah SWT dan menjadi pemangkin kepada pentadbiran yang lebih telus, efisien, dan berwibawa.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

PENDAHULUAN	4
PEMAKAIAN	4
TAKRIFAN	4
AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 (AKTA 711)	7
PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT	11
TANGGUNGJAWAB PEGAWAI DIBERI KUASA	12
TANGGUNGJAWAB PEMBERI MAKLUMAT	12
MAKLUMAT YANG BOLEH DIDEDAHKAN	13
PROSES PENGURUSAN ADUAN KELAKUAN TIDAK WAJAR	14
PENUTUP	15
CARTA ALIR PENGURUSAN ADUAN KELAKUAN TIDAK WAJAR	16

PENDAHULUAN

Polisi ini digubal sebagai garis panduan rasmi bagi memudahkan warga Majlis Daerah Bera, pelanggan, dan orang awam menyalurkan maklumat mengenai sebarang salah laku atau tingkah laku tidak wajar sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711). Matlamat utamanya adalah untuk menjamin perlindungan menyeluruh kepada individu yang mempunyai keberanian moral dalam melaporkan pelanggaran tersebut demi kepentingan integriti Majlis Daerah Bera.

PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai kepada semua warga kerja Majlis Daerah Bera, pihak berkepentingan, pelanggan dan rakan srategik serta orang awam yang berurusan dengan Majlis Daerah Bera.

TAKRIFAN

PERKARA	TAKRIFAN
PEMBERI MAKLUMAT	Mana-mana individu yang membuat pendedahan maklumat kelakuan tidak wajar ke Unit Audit Dalam dan Integriti, Majlis Daerah Bera atau agensi penguatkuasaan.
KELAKUAN TIDAK WAJAR (KTW)	Apa-apa kelakuan yang terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah
KESALAHAN TATATERTIB	Apa-apa tindakan dan peninggalan yang menjadi suatu pelanggaran tatatertib dalam badan awam atau badan swasta sebagaimana yang diperuntukan oleh undang-undang atau dalam suatu tatalaku, kod etika atau pekeling atau suatu kontrak kerja, mengikut mana-mana yang berkenaan.

TAKRIFAN

PERKARA	TAKRIFAN
MAKLUMAT SULIT	a) Maklumat tentang indentiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat kerja atau tempat beradanya: • seseorang pemberi maklumat; dan • seseorang yang terhadapnya seseorang pemberi maklumat telah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar. b) Maklumat yang didedahkan oleh seseorang pemberi maklumat; dan c) Maklumat yang jika didedahkan, boleh menyebabkan mudarat kepada mana-mana orang.
PEGAWAI DIBERI KUASA	Mana-mana pegawai yang ditempatkan di Unit Audit Dalam dan Integriti Majlis Daerah Bera
TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN	a) Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan; b) Ugutan atau gangguan; c) Gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian mana-mana orang, termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, penamatan atau layanan buruk berhubungan dengan pekerjaan, kerjaya, profesion, tred atau perniagaan mana-mana orang atau pengambilan tindakan tatatertib; dan d) Suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut seperti di atas.

TAKRIFAN

PERKARA	TAKRIFAN
AGENSIPENGUATKUASAAN	Merujuk kepada Akta 711, Agensi Penguatkuasaan bermaksud: a) Mana-mana Kementerian, Jabatan, Agensi atau badan lain yang dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Kerajaan Tempatan termasuk suatu Unit, Seksyen, Bahagian, Jabatan atau Agensi Kementerian, Jabatan, Agensi atau badan itu, yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan. b) suatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri itu atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain. c) suatu Unit, Seksyen, Bahagian, Jabatan atau Agensi sesuatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang mempunyai fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan. Contoh : Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).
WargaMajlis Daerah Bera	Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di Majlis Daerah Bera sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjam, kontrak atau sambilan dan termasuk lantikan politik
POLISI	Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Majlis Daerah Bera

AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 (AKTA 711)

- a) Akta ini telah diluluskan di Parlimen pada 6 Mei 2010 bertujuan untuk memerangi rasuah dan salah laku lain dengan menggalakkan dan memudahkan pendedahan kelakuan tidak wajar dalam sektor awam dan swasta.
- b) Akta ini digubal untuk melindungi orang yang membuat pendedahan daripada tindakan yang memudaratkan serta mendapat perlindungan.
- c) Akta ini memperuntukkan perlindungan kepada pemberi maklumat iaitu melibatkan maklumat sulit pemberi maklumat, perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan serta kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah yang mungkin dihadapi oleh pemberi maklumat setelah membuat pendedahan kepada agensi penguatkuasaan.
- d) Akta ini juga memberi kuasa kepada agensi penguatkuasaan untuk menjalankan siasatan terhadap kelakuan tidak wajar dan terhadap aduan tindakan yang memudaratkan serta memberi kuasa kepada pihak mahkamah untuk membuat perintah bagi remedi.
- e) Pemberi maklumat yang layak diberikan perlindungan berdasarkan Akta 711 adalah seperti berikut:
 - i. Pemberi maklumat bersedia untuk dikenali oleh pegawai diberi kuasa;
 - ii. Pemberi maklumat hadir sendiri atau berjumpa dengan pegawai diberi kuasa sama ada di pejabat atau di mana-mana tempat yang bersesuaian; dan
 - iii. Sekiranya pendedahan Kelakuan Tidak Wajar dibuat melalui surat/emel/ panggilan telefon, pemberi maklumat menyatakan indentiti dan alamat atau cara bagaimana beliau dapat dihubungi.

- f) Antara jenis-jenis perlindungan yang diperuntukkan di bawah Akta 711 adalah:
- i. [Seksyen 7(1)(a)]-Identiti pemberi maklumat serta maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa pun termasuk semasa perbicaraan di mahkamah;
 - ii. [Seksyen 7(1)(b)]-Pemberi maklumat tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan sivil, jenayah atau tatatertib akibat daripada pendedahan maklumat tersebut;
 - iii. [Seksyen 7(1)(c)]-Pemberi maklumat dilindungi daripada sebarang tindakan yang memudaratkan hasil tindak balas pendedahan yang dibuat;
 - iv. [Seksyen 7(2)]-Pemberi maklumat tidak terjejas sekiranya pendedahan tidak wajar itu tidak membawa kepada apa-apa tindakan tatatertib atau pendakwaan terhadap orang yang didedahkan; dan
 - v. [Seksyen 7(3)]-Perlindungan turut diberikan kepada mereka yang mempunyai kaitan/ hubungan dengan pemberi maklumat.
- g) Perlindungan Pemberi Maklumat berdasarkan Akta 711 akan TERBATAL di bawah keadaan seperti yang berikut:
- i. Pada saat pemberi maklumat mendedahkan kelakuan tidak wajar (aduan) dia sudah menikmati perlindungan di bawah Akta 711 ini.
 - ii. Perlindungan ini akan kekal selama-lamanya kecuali dibatalkan oleh Seksyen 11 Akta 711 ini.
 - iii. Merujuk kepada Akta 711 dibawah Perenggan 11(1)(F) antara sebab-sebab suatu perlindungan pemberi maklumat boleh dibatalkan adalah seperti yang berikut:
- Perenggan 11(1)(a) – jika pemberi maklumat memberi alasan bahawa dia tidak tahu dia terlibat dengan kelakuan tidak wajar yang didedahkan atau telah dipaksa untuk turut sama terlibat dalam kelakuan tidak wajar tersebut, perlindungan pemberi maklumat hendaklah juga di batalkan di bawah perenggan 11(1)(a). Terpulanglah kepada pemberi maklumat untuk berkerjasama dengan agensi penguatkuasaan untuk membantu dalam penyiasatan dan menjadi saksi jika perlu, sebagai plea bargain untuk melepaskan dirinya daripada turut didakwa;

- Perenggan 11(1)(b) – sekiranya sesuatu maklumat yang didedahkan adalah:
 - i. berdasarkan kepercayaan munasabah pemberi maklumat tersebut; atau
 - ii. pemberi maklumat tersebut tidak tahu bahawa maklumat tersebut tidak benar, dia tidak perlu menentukan sama ada maklumat tersebut adalah benar atau tidak kerana pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuat adalah bersandarkan kepada pengetahuan yang munasabah oleh pemberi maklumat itu;

Dalam kedua-dua kes ini, perlindungan pemberi maklumat tersebut kekal;

- Perenggan 11(1)(c) – penentuan sama ada sesuatu pendedahan adalah remeh-temeh bergantung kepada fakta kes. Garis panduan tentang perkara yang terjumlah kepada remeh-temeh hendaklah disediakan oleh agensi penguatkuasaan dengan bantuan Penasihat Undang Undang atau Timbalan Pendakwa Raya berdasarkan amalan sedia ada dan nas-nas kes mahkamah;
- Perenggan 11(1)(d) – agensi penguatkuasaan hendaklah memperoleh maklumat jelas bahawa pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut dibuat semata-mata untuk mempersoalkan, mempertikaikan, mengganggu atau menjejaskan pelaksanaan dasar Kerajaan sebelum memutuskan untuk membatalkan perlindungan di bawah perenggan ini.
- Perenggan 11(1)(e) – agensi penguatkuasaan hendaklah membuktikan bahawa pemberi maklumat telah membuat pendedahan untuk menghalang Jabatan atau majikannya mengambil tindakan terhadapnya berhubung dengan kesalahan yang telah dilakukan olehnya sebelum pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut. Dalam keadaan ini, agensi penguatkuasaan hendaklah berpuas hati dengan rangkaian keterangan yang dapat mewujudkan pertalian antara pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut untuk menghalang tindakan diambil keatas kesalahan yang telah pemberi maklumat tersebut lakukan;

- Perenggan 11(1)(f) – hasil siasatan agensi penguatkuasaan menunjukkan bahawa pemberi maklumat telah melakukan suatu kesalahan dibawah Akta 711 iaitu sama ada:
 - i. Mendedahkan maklumat sulit: subseksyen 8(4);
 - ii. Membuat pernyataan palsu : seksyen 21;
 - iii. Menghalang pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan tanggungjawabnya:
 - iv. Memusnahkan, memalsukan dan sebagainya dokumen: seksyen 23;
 - v. Bersubahat atau percubaan untuk melakukan kesalahan dibawah Akta ini :

a) Permohonan Remedi

Apabila pemberi maklumat mendapat ancaman atau diambil tindakan yang memudaratkan, pemberi maklumat boleh meminta agensi penguatkuasaan yang berkaitan memohon remedi daripada mahkamah bagi mendapatkan:

- i. Ganti rugi/pampasan; dan/atau
- ii. Injunksi-apa-apa relief lain yang difikirkan perlu/patut.

PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

- a) Perlindungan pemberi maklumat di bawah polisi ini adalah selaras dengan Akta 711.
- b) Aduan atau pendedahan maklumat mengenai perkara-perkara berkaitan kelakuan tidak wajar warga Majlis Daerah Bera boleh dilaksanakan oleh warga Majlis Daerah Bera, pihak berkepentingan, pelanggan dan rakan strategik serta orang awam yang berurusan dengan Majlis Daerah Bera.
- c) Setiap pengadu yang melaporkan salah laku secara jujur akan diberikan perlindungan berikut:
- **Kerahsiaan Maklumat Peribadi:** Identiti pemberi maklumat, alamat, dan butiran laporan akan dirahsiakan sepenuhnya daripada pengetahuan umum dan tidak boleh didedahkan walaupun semasa prosiding mahkamah atau tatatertib.
 - **Kekebalan daripada Tindakan Sipil/Jenayah:** Pemberi maklumat tidak boleh dikenakan sebarang tindakan undang-undang (seperti saman fitnah) atau tindakan tatatertib jabatan semata-mata kerana laporan yang dibuat.
 - **Perlindungan daripada Tindakan Memudaratkan:** Pemberi maklumat tidak akan dikenakan tindakan balas dendam seperti:
 - Pertukaran jabatan secara paksa atau tidak adil.
 - Penurunan pangkat atau markah prestasi (LNPT).
 - Pemulauan atau gangguan di tempat kerja.
- d) Syarat Pemberian Perlindungan

Perlindungan ini terpakai selagi mana pengadu memenuhi kriteria berikut:

- Maklumat yang diberikan adalah benar dan bukan berdasarkan khabar angin semata-mata dan bukan dengan niat jahat untuk menganiaya individu lain.
- Laporan dibuat kepada pihak berkuasa yang sah (Unit Audit Dalam dan Integriti Majlis Daerah Bera, SPRM, atau Polis).
- Pendedahan maklumat tanpa menyatakan maklumat yang jelas tentang nama, identiti, nombor telefon dan alamat untuk dihubungi adalah TIDAK LAYAK diberikan perlindungan di bawah polisi ini.

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI DIBERI KUASA

- a) Pegawai Diberi Kuasa hendaklah menerima pendedahan yang dibuat secara lisan ataupun bertulis yang diberikan oleh pemberi maklumat.
- b) Pendedahan yang dibuat secara lisan, Pegawai Diberi Kuasa hendaklah seberapa segera mengubahnya dalam bentuk bertulis.
- c) Pegawai Diberi Kuasa perlu memaklumkan kepada pemberi maklumat berkaitan peruntukan undang-undang termasuk perlindungan pemberi maklumat di bawah Akta 711.

TANGGUNGJAWAB PEMBERI MAKLUMAT

Maklumat Kelakuan Tidak Wajar yang hendak diadukan mestilah lengkap, jelas dan mengandungi butir-butir berikut:

- a) Dimana Kelakuan Tidak Wajar berlaku;
- b) Siapa yang terlibat;
- c) Apakah Kelakuan Tidak Wajar yang dilakukan;
- d) Bagaimana Kelakuan Tidak Wajar yang dilakukan;
- e) Asas kebimbangan;
- f) Dokumen yang terlibat serta lain-lain yang berkaitan; dan
- g) Maklumat saksi (jika ada).

Pemberi maklumat mungkin akan diminta tampil secara bersemuka atau dihubungi untuk mendapatkan maklumat atau keterangan lanjut sekiranya pendedahan yang diberikan olehnya perlu disiasat dengan lebih lanjut.

MAKLUMAT YANG BOLEH DIDEDAHKAN

Perkara yang boleh didedahkan adalah Kelakuan Tidak Wajar yang melanggar undang-undang, pekeliling atau peraturan berkuat kuasa semasa seperti berikut:

- a) Rasuah atau penipuan;
- b) Kesalahan jenayah;
- c) Salah guna wang, perolehan atau aset Kerajaan;
- d) Kesalahan tatatertib;
- e) Kesalahan tadbir urus atau pengurusan dalam Majlis Daerah Bera yang melanggar undang-undang dan peraturan;
- f) Ketirisan hasil dalam Majlis Daerah Bera;
- g) Penyelewengan peruntukan Majlis Daerah Bera;
- h) Kelakuan atau perbuatan yang mengancam keselamatan warga Majlis Daerah Bera;
- i) Menyuruh, mengarah, mendorong atau menggugut seseorang dengan sengaja atau sedar supaya melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan berkuatkuasa; dan
- j) Lain-lain tindakan tidak wajar yang boleh menggugat dan merosakkan imej Majlis Daerah Bera.



PROSES PENGURUSAN ADUAN KELAKUAN TIDAK WAJAR

Pemberi maklumat yang ingin membuat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar boleh menyalurkan aduan melalui kaedah seperti berikut:

- a) Hadir sendiri berjumpa dengan Pegawai Unit Audit Dalam dan Integriti, Majlis Daerah Bera
- b) Aduan menerusi emel kepada uadi@mdbera.gov.my
- c) surat kepada alamat seperti berikut: Ketua Unit Audit Dalam dan Integriti
Majlis Daerah Bera 28200 Bandar Bera, Pahang
- d) Menghubungi di talian 09-2501700
- e) Melalui sistem <http://pahang.spab.gov.my>

Pendedahan maklumat tanpa menyatakan maklumat yang jelas tentang nama, identiti, nombor telefon dan alamat untuk dihubungi adalah TIDAK LAYAK diberikan perlindungan di bawah polisi ini.

Walaupun bagaimanapun, aduan tetap diterima dan siasatan akan diteruskan berdasarkan maklumat yang disalurkan.

PENUTUP

Komitmen Pentadbiran Majlis Daerah Bera

Majlis Daerah Bera komited sepenuhnya dalam mewujudkan persekitaran kerja yang telus, berintegriti, dan bebas daripada sebarang bentuk amalan rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, atau kelakuan tidak wajar. Pelaksanaan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat ini merupakan bukti kesungguhan kami dalam menegakkan prinsip tadbir urus yang baik demi kesejahteraan rakyat dan Daerah Bera

Seruan dan Jaminan Perlindungan


Kami menggalakkan mana-mana warga Majlis Daerah Bera, rakan strategik, kontraktor, dan orang awam yang mempunyai maklumat berasas mengenai sebarang Kelakuan Tidak Wajar yang melibatkan warga Majlis Daerah Bera untuk tampil membuat pendedahan melalui saluran aduan rasmi yang telah ditetapkan.

Majlis Daerah Bera memberikan jaminan bahawa setiap pemberi maklumat yang membuat pendedahan dengan niat baik (good faith) akan dilindungi identiti mereka dan akan dipelihara daripada sebarang tindakan balas atau mudarat, selaras dengan peruntukan Polisi ini dan undang-undang yang berkuat kuasa, khususnya Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711].

Kuat Kuasa dan Semakan Polisi

Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Majlis Daerah Bera ini berkuat kuasa mulai daripada tarikh yang dinyatakan di bawah dan akan disemak secara berkala dari semasa ke semasa bagi memastikan ianya kekal relevan dan efektif dalam menyokong agenda integriti organisasi.

CARTA ALIR PROSEDUR PENGURUSAN ADUAN KELAKUAN TIDAK WAJAR



**POLISI PERLINDUNGAN
PEMBERI MAKLUMAT**

JANGAN TAKUT BUAT ADUAN! ANDA DILINDUNGI!





**UNIT AUDIT DALAM DAN INTEGRITI
MAJLIS DAERAH BERA
28200 BANDAR BERA PAHANG**



09-2501700



uadi@mdbera.gov.my